

Usia 60 terpaksa kerja hingga sakit

Tiba masa rangka kerja pencen dan persaraan direformasi, kata PN

KUALA LUMPUR

Sudah tiba masanya untuk Malaysia melakukan reformasi terhadap rangka kerja pencen dan persaraannya bagi memastikan keselamatan kewangan dan equiti untuk semua rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, kajian baru-baru ini mendapati 26.1 peratus responden berumur 60 tahun ke atas akan terus bekerja sehingga menghadapi masalah kesihatan, kerana mereka berdepan cabaran untuk mencapai jaminan pendapatan bagi membiayai keperluan persaraan mereka.

Beliau berkata, populasi warga emas lebih terdedah kepada kemiskinan berbanding rata-rata penduduk Malaysia yang lain, dengan hanya 29 peratus rakyat

Malaysia mempunyai pencen atau pendapatan seperti pencen semasa bersara.

“Data KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) menunjukkan bahawa satu daripada empat ahlinya menghabiskan simpanan mereka dalam tempoh lima tahun selepas mencapai umur pengeluaran.

“Keadaan sekali gus akan menyebabkan ramai rakyat

Malaysia tidak dapat mengekalkan taraf hidup yang munasabah semasa bersara atau menguruskan risiko kelanjutan usia,” katanya ketika berucap merasmikan

Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2024 (ISWC 2024), di sini pada Selasa.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, terdapat keperluan untuk melakukan reformasi secara aktif kepada rangka kerja pencen Malaysia, bagi memastikan setiap generasi di negara ini dapat menjalani kehidupan usia tua dengan bermaruah.

“Penyelesaian baharu di-



Anwar (depan, tengah) pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2024 di Kuala Lumpur pada Selasa.

perluan dalam memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada perlindungan sosial.

“(Termasuk) memperluas perlindungan KWSP secara berfasa, supaya lebih ramai populasi penduduk pada usia bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistem KWSP yang akan memastikan lebih ramai rakyat Malaysia boleh mengumpul simpanan persaraan

mencukupi, untuk hari tua mereka,” kata Anwar.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dijangka beralih daripada negara menua kepada negara tua dengan 14 peratus penduduk berusia 65 tahun ke atas dalam tempoh 23 tahun.

Beliau berkata, Kerajaan Perpaduan komited sepenuhnya untuk memperbaiki kehidupan warga emas Malaysia.

“Sehubungan itu, kerajaan bercadang untuk memperkukuh

dua tonggak perlindungan sosial. Untuk bantuan sosial, kerajaan akan memperkasakan lagi program bantuan sosial kepada rakyat Malaysia yang menghadapi masalah kewangan.

“Bagi merangsang pasaran buruh, kerajaan akan terus memperkukuh inisiatif latihan, bantuan pengangguran dan program lain, untuk mendapatkan rakyat Malaysia pekerjaan yang akan meningkatkan taraf hidup mereka,” katanya. - *Bernama*